

16/10/2000

Perilly's sambung tajaan GP

Hussain Said

DI sebalik masalah disiplin pemain dan penggunaan ganja yang terbongkar dalam Grand Prix (GP) Kebangsaan musim ini, Persatuan Sepak Takraw Malaysia (PSM) harus tidak mampu tidur lena bagi mencari penaja musim depan.

Namun, badan induk itu menghela nafas lega semalam apabila penaja tetap, Perilly's memberi komitmen untuk terus menaja kejohanan yang diperkenalkan sejak 1994 itu.

Malah, Perilly's juga bersedia untuk mengkaji semula jumlah penajaan sekiranya PSM bersetuju dengan cadangan menjemput pasukan serantau terutama Thailand, Brunei dan Singapura turut serta dalam kejohanan itu.

Pengurus Promosi Perilly's, Albert Anthony berkata, masalah yang tercetus sepanjang GP musim ini, tidak menggugat komitmen syarikatnya untuk terus membantu sepak takraw negara.

"Beberapa masalah yang berlaku dalam GP musim ini terutama penggunaan ganja di kalangan pemain, sedikit sebanyak menjejaskan imej serta nama baik kejohanan termasuk kami.

"Namun, kita percaya PSM tidak berdiam diri, sebaliknya akan mengambil pendekatan agresif dalam menangani masalah yang tercetus, lebih-lebih lagi dengan kesediaan mereka melaksanakan ujian air kencing.

"Justeru, kami akan terus memberi sokongan kepada badan induk itu terutama dalam membangunkan sepak takraw negara.

"Walaupun kontrak dengan PSM berakhir penghujung tahun, kami sudah memutuskan untuk menaja GP pada tahun depan," kata Albert.

Terdahulu, pertandingan sejak enam tahun lalu itu dipertikaikan kerana gagal membantu serta meningkatkan tahap serta mutu sepak takraw negara, khususnya kepada skuad kebangsaan.

Lebih buruk, tahun lalu terdapat dakwaan bahawa segelintir pemain terbabit dalam penggunaan ganja. Berikutan dakwaan itu, PSM memutuskan untuk melaksanakan ujian air kencing musim ini.

Tindakan PSM jelas membuktikan dakwaan itu bukan palsu apabila lima termasuk dua pemain kebangsaan didapati positif menggunakan bahan larangan yang dikenali sebagai 'ubat kuat' itu.

Dalam pertandingan pembuka tirai GP musim ini, Terbuka Johor, seorang pemain Kedah pula dilaporkan dibelasah gara-gara membawa teman wanita ke bilik penginapan.

Mengenai cadangan menjemput negara serantau bertanding, Albert berkata, pihaknya ada mengutarakan pandangan itu tetapi PSM menolaknya.

"Walaupun ada pro dan kontra dengan cadangan itu, tetapi kami melihat penyertaan negara terbabit mampu meningkatkan mutu serta mempopularkan pertandingan itu.

"Namun, segala keputusan terletak kepada PSM memutuskan. Lagipun, kami lihat kelulusan membenarkan pemain import beraksi musim ini kurang mendapat sambutan," tambahnya.

Sementara itu, ahli jawatankuasa pertandingan PSM, Mahathir Mohamad berkata, mulai musim depan tempoh kejohanan itu dipendekkan daripada lima kepada empat hari.

"Kita harap keputusan itu mampu mengatasi masalah cuti yang sering dihadapi setiap pasukan serta masalah kewangan," katanya.

(END)